



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 21 / 2020

SPR PAMER RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2020

1. SPR akan melaksanakan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST1/2020 selama 14 hari mulai **10 hingga 23 Jun 2020** di **915 tempat pameran** Rang DPT ST1/2020 di seluruh negara.
2. RDPT ST1/2020 ini mengandungi **80,766** permohonan pendaftaran pemilih baru daripada warganegara yang layak dan **18,989** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar yang telah memohon sepanjang tempoh antara 1 Januari hingga 31 Mac 2020.
3. Semakan RDPT ST1/2020 boleh dibuat melalui beberapa kaedah semakan seperti berikut:
 - a) Hadir ke 915 tempat pameran RDPT ST1/2020 di seluruh negara dan mengimbas Kod QR bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang diletakkan; atau
 - b) Melayari portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri (Rujuk Lampiran A); atau

- c) Hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan dan menyemak buku RDPT ST1/2020 yang disediakan.
4. Bagi Pameran RDPT ST1/2020 ini, SPR tidak meletakkan salinan buku atau *hardcopy* RDPT di 915 tempat-tempat pameran, sebaliknya hanya meletakkan sehelai notis bersaiz A4 yang mengandungi Kod QR RDPT bagi bahagian pilihan raya parlimen yang berkenaan sahaja. Kaedah ini adalah untuk mengelakkan orang ramai menyemak nama dalam RDPT dengan menyentuh buku RDPT yang seterusnya boleh menyebabkan penularan wabak Covid-19.
 5. Semua pemohon dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam RDPT ST1/2020. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam RDPT ST1/2020, mereka boleh membuat TUNTUTAN melalui Borang B.
 6. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat BANTAHAN ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam RDPT ST1/2020 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi Borang C.
 7. Borang B dan Borang C boleh dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran RDPT itu diadakan.
 8. Semasa tempoh Pameran RDPT ST1/2020, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih telah

meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan atau apa-apa sebab berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

9. Sebarang pertanyaan mengenai pameran RDPT ST1/2020 boleh menghubungi talian *hotline* SPR di 03-8892 7018 atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di <https://pengundi.spr.gov.my/> atau aplikasi MySPR Semak untuk membuat semakan.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 9 Jun 2020 / 17 Syawal 1441H

Lampiran A

PORTAL RASMI PEJABAT-PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI

BIL.	TEMPAT	PORTAL
1.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perlis	http://ppn.spr.gov.my/perlis
2.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah	http://ppn.spr.gov.my/kedah
3.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan	http://ppn.spr.gov.my/kelantan
4.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu	http://ppn.spr.gov.my/terengganu
5.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang	http://ppn.spr.gov.my/ppinang
6.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak	http://ppn.spr.gov.my/perak
7.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang	http://ppn.spr.gov.my/pahang
8.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor	http://ppn.spr.gov.my/selangor
9.	Pejabat Pilihan Raya Negeri W.P Kuala Lumpur	http://ppn.spr.gov.my/kualalumpur
10.	Pejabat Pilihan Raya Negeri N. Sembilan	http://ppn.spr.gov.my/nsembilanv2
11.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka	http://ppn.spr.gov.my/melaka

BIL.	TEMPAT	PORTAL
12.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor	http://ppn.spr.gov.my/johor
13.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah	http://ppn.spr.gov.my/sabah
14.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak	http://ppn.spr.gov.my/sarawak

MAKLUMAT TAMBAHAN

**JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN
RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT)
SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2020**

BIL.	TEMPAT	JUMLAH
1.	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2.	Pejabat Pos	407
3.	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	84
4.	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	174
5.	Majlis Daerah/ Perbandaran	61
6.	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai Raya/ Pejabat Penghulu/ Dewan	158
7.	Lain-Lain Tempat	16
	JUMLAH	915